

**KEMPEN 16 HARI  
AKTIVISME UNTUK  
KANAK-KANAK  
PEREMPUAN**



(1142853-U)

**Katakan TIDAK kepada Keganasan terhadap**

**♀ ORANGE  
THE  
WORLD**

**ORENKAN DUNIA**

**Wanita dan Kanak-Kanak**



## VISI

Satu peribadi lebih berharga dari seluruh dunia

---

## MISI

Kami menjangkau dengan belas kasihan dan hormat dan memperkasakan setiap peribadi ke arah potensi dan kepenuhan

---

## NILAI

Belas kasih, syukur, hormat, integriti dan semangat

# Kata Pengantar Daripada



## Pesuruhjaya Tinggi Kanada Ke Malaysia

Bagi pihak Suruhanjaya Tinggi Kanada di Malaysia, saya gembira untuk berkongsi perspektif Kanada mengenai kepentingan mengatakan "Tidak" terhadap keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan, yang sedihnya, sedang berleluasa. Ia mengambil pelbagai bentuk dan memberi kesan kepada setiap masyarakat, samada di Kanada atau di Malaysia. Keganasan juga merupakan penghalang kepada pencapaian kesaksamaan, pembangunan, kemakmuran, keamanan dan keselamatan.

Kanada komited untuk berusaha menamatkan semua bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan. Di Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), resolusi Majlis Hak Asasi Manusia yang didahului oleh Kanada telah menyumbang kepada pembentukan dan pembaharuan mandat bagi Pelapor Khas PBB mengenai Keganasan terhadap Wanita. Kanada juga telah memberi sokongan kuat terhadap Perisytiharan mengenai Penghapusan Keganasan terhadap Wanita. Kanada komited untuk mencegah dan menangani keganasan berasaskan gender, termasuk penyalahgunaan dan eksploitasi seksual. Kanada menjadikan kesetaraan gender sebagai keutamaannya semasa presidensi G7 pada 2018. Di Sidang Kemuncak G7, kami membantu memperoleh pelaburan \$ 3.8 bilion dalam sektor pendidikan, untuk wanita dan kanak-kanak perempuan dalam situasi krisis dan konflik. Melalui bantuan antarabangsa, Kanada membantu mencegah keganasan seksual dan keganasan berdasarkan gender, termasuk amalan berbahaya seperti perkahwinan kanak-kanak, perkahwinan awal atau perkahwinan paksa, dan mutilasi alat kelamin wanita.

Masih terlalu banyak usaha yang perlu dilakukan di seluruh dunia untuk menghapuskan semua bentuk keganasan terhadap wanita. Salah satu cara Kanada menyokong usaha ini adalah melalui Canada Fund for Local Initiatives (Dana Kanada untuk Inisiatif Tempatan). Program ini memberi dana kepada projek bilateral berskala kecil oleh organisasi masyarakat sivil di negara-negara seperti Malaysia. Inisiatif-inisiatif kecil tempatan ini sering memberi kesan yang besar secara tempatan.

Tahun ini, Suruhanjaya Tinggi Kanada di Malaysia diberi penghormatan untuk bekerjasama rapat dengan Good Shepherd Services, yang telah melakukan kerja yang mengagumkan dalam memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan dengan mempromosikan hak mereka dan meningkatkan kesedaran tentang keganasan berasaskan gender. Dengan membangunkan kapasiti untuk bertindak balas terhadap keganasan berasaskan seks dan gender di peringkat tempatan, Good Shepherd Services secara langsung sedang memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan. Ini merupakan jalan yang paling lestari untuk membawa perubahan yang bermakna berkaitan dengan isu-isu yang sukar ini. Suruhanjaya Tinggi Kanada amat berbesar hati untuk menyokong organisasi ini dalam usahanya yang penting ini di Malaysia, melalui Dana Kanada.

**Julia G. Bentley**  
Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia



## Pesanan Daripada Good Shepherd Services

Keganasan gender, wanita dan kanak-kanak perempuan adalah misi tumpuan bagi Good Shepherd. Isu perkahwinan kanak-kanak telah menjadi perdebatan hangat dalam pelbagai medium pada tahun 2018. Posisi kami mudah, perkahwinan kanak-kanak adalah salah. Ia bukan sahaja merampas hak kehidupan seorang kanak-kanak, tetapi juga merosakkan kesihatan, tumbesaran, peluang pendidikan serta mendedahkan mereka kepada keganasan rumah tangga dan penderaan seksual. Keadaan seorang kanak-kanak yang hamil ketika tubuhnya masih rapuh adalah tidak selaras dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak di dalam Konvensi Hak Kanak-Kanak.

Perkahwinan kanak-kanak adalah salah satu keganasan gender yang dihadapi kanak-kanak perempuan. Salah satu advokasi kami untuk kempen Orenkan Dunia 2018 adalah untuk mengatakan tidak kepada keganasan terhadap kanak-kanak perempuan. Posisi Good Shepherd dengan tegasnya menganggap setiap kanak-kanak perempuan dilahirkan dengan maruah dan mempunyai hak untuk mempunyai kehidupan sebagai kanak-kanak dan berpeluang untuk mengembangkan potensi diri sebagai manusia atau wanita yang boleh menyumbang kepada masyarakat. Kami juga percaya apabila wanita dan kanak-kanak dihargai, mereka boleh memberi impak dan perubahan positif kepada persekitaran mereka.

Buku ini memaparkan 16 kisah untuk direnungi setiap hari, di sepanjang 16 hari kempen aktivisme ini. Kisah-kisah ini adalah kebenaran mengenai kezaliman, trauma dan konflik keganasan gender dalam pelbagai bentuk yang dialami oleh kanak-kanak perempuan. Sudut pandangan daripada pihak berkepentingan dan pakar juga ditambah untuk memberi kefahaman mengenai undang-undang dan polisi yang terlibat. Renungan harian yang mencabar minda juga membawa kita untuk mendalami isu yang telah berlaku dan memberi respon untuknya.

Advokasi memerlukan tindakan, dan inilah tujuan utama penghasilan buku ini. Ini adalah sedikit sebanyak yang boleh kami lakukan untuk memperingati kanak-kanak yang mengongsikan kisah mereka kepada kami. Kami juga bersolidariti dengan mereka yang telah melalui kepedihan keganasan gender yang kisahnya tidak dirakam dalam buku ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Canadian Fund for Local Initiatives di atas sokongan terhadap kempen ini.

Semoga buku ini menyakinkan komitmen peribadi anda untuk memastikan hak kanak-kanak perempuan dilindungi dan menentang keganasan gender.

**Chin Poh Choo**  
**Pengarah Eksekutif**  
**Good Shepherd Services**

## ORENKAN DUNIA: KATAKAN TIDAK KEPADA KEGANASAN TERHADAP WANITA DAN KANAK-KANAK

16 Hari Aktivisme menentang keganasan berasaskan gender (16 Days of Activism against Gender Based Violence) merupakan satu kempen antarabangsa untuk meningkatkan kesedaran. Kempen ini diadakan setiap tahun dari 25 November (Hari Menentang Keganasan Terhadap Wanita Antarabangsa) hingga 10 Disember (Hari Hak Asasi Manusia Antarabangsa).

Sejak 2008, UN Women (Entiti PBB bagi Kesaksamaan Gender dan Memperkasakan Wanita), di bawah payung "Orenkan Dunia", telah membangkitkan perhatian dan tindakan global untuk menamatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan. Warna rasmi yang digunakan ialah oren, yang melambangkan satu masa depan yang cerah dan optimis, bebas dari keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

Good Shepherd Services (GSS) mengalu-alukan setiap dan semua orang tanpa mengira bangsa atau agama untuk berdiri bersama dalam solidariti melalui doa dan tindakan untuk meningkatkan kesedaran dan menamatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

Tagline untuk kempen 16 Hari Aktivisme ini ialah "**Orenkan Dunia: Katakan Tidak kepada Keganasan terhadap Wanita dan Kanak-Kanak**". Pada tahun ini, fokus utama kempen ini adalah isu Keganasan Berasaskan Seksual dan Gender yang dialami oleh kanak-kanak perempuan.

Buku renungan ini ditulis untuk menjadi sebuah sumber panduan bagi kesedaran, renungan dan tindakan. Buku ini boleh digunakan untuk menyertai kempen 16 Hari bagi mempelajari dan merenungkan isu-isu Keganasan Berasaskan Seksual dan Gender (SGBV) yang dialami oleh kanak-kanak perempuan. Melalui cerita-cerita yang dikongsi, kita boleh mendapat sekilas gambaran bagaimana hidup kanak-kanak yang terjejas oleh pengalaman mereka dicabul dan dieksploitasi. (Nama dan butiran demografik tertentu telah diubah untuk melindungi identiti kanak-kanak yang telah mengongsi kisah mereka.)

Semasa kita membaca mengenai pengalaman ketidakadilan, penindasan dan penderaan yang dilakukan oleh sesama manusia, marilah kita membuka hati kita dan menanggapi keperluan mereka yang memerlukan pertolongan dan sokongan, sama ada melalui doa atau apa pun cara lain untuk melakukan kebaikan, menegakkan keadilan dan membantu mereka.

Kami menjemput anda di sepanjang 16 hari ini untuk berdiri bersama menentang keganasan seksual. Hanya seketul batu kecil diperlukan untuk membuat lautan beriak. Bersama-sama, kita boleh membesarkan gelombang ini untuk menamatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.



## INFOGRAFIK

### KEGANASAN BERASASKAN SEKSUAL DAN GENDER TERHADAP KANAK-KANAK PEREMPUAN

Seseorang kanak-kanak diiktirafkan sebagai individu yang berumur dibawah 18 tahun




**Wanita dan kanak-kanak perempuan** di seluruh dunia telah dikahwinkan sebelum berumur 18 tahun.

*Perkahwinan kanak-kanak selalunya akan menyebabkan kehamilan awal dan pemuluan, gangguan persekolahan, mengehadkan peluang kanak-kanak perempuan dan meningkatkan risiko mengalami keganasan rumah tangga.*



**Kanak-kanak perempuan di dunia** (lebih 1 daripada 10) pernah mengalami hubungan dan aksi seks yang dipaksa satu ketika dalam kehidupan mereka.

*Setakat ini, kebiasaannya si pelaku keganasan seks adalah bekas pasangan, suami atau teman lelaki.*



**Wanita dan kanak-kanak perempuan** sama-sama membentuk 71 peratus daripada mangsa pemerdagangan manusia di seluruh dunia, dengan kanak-kanak perempuan hampir tiga per empat daripada mangsa kanak-kanak.



**Hampir tiga per empat mangsa** wanita dan kanak-kanak perempuan juga diperdagangkan untuk eksploitasi seksual.



**22,234**

**Kes penderaan seksual** direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2010 sehingga Mei 2017.

## Yang Berhormat Jannie Lasimbang

## Timbalan Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Adat Negeri Sabah

Saya berbesar hati dengan keputusan untuk menaikkan umur perkahwinan minima di Malaysia ke 18 tahun. Secara peribadi, saya merasakan undang-undang ini bagus kerana saya percaya gadis di bawah umur 18 tahun tidak sepatutnya dikahwinkan. Langkah seterusnya bagi kementerian kami adalah untuk meminda semua undang-undang di Sabah yang berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak termasuk undang-undang adat negeri, selaras dengan umur minima 18 tahun. Kami telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk memantau penstrukturan semula undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna perkahwinan kanak-kanak akan terus terhapus. Kita perlu memperakui antara faktor utama yang dikatakan penyebab perkahwinan bawah umur adalah kehamilan bawah umur. Antara langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggalakkan lebih ramai wanita menjadi ketua kampung. Dalam modul latihan ketua kampung, kami memasukkan maklumat mengenai perkahwinan awal supaya para pemimpin mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil apabila memberi nasihat kepada mereka yang menghadapi isu ini. Pemimpin juga dilatih mengenai tindakan yang boleh diambil untuk tidak menggalakkan ibu bapa mengahwinkan sahaja anak mereka untuk menjaga reputasi keluarga.

Sekiranya kanak-kanak itu hamil, ibu bapa perlu tahu bahawa perkahwinan bukan satu-satunya pilihan yang ada. Mereka perlu tahu yang anak mereka masih boleh mendapatkan sijil lahir untuk bayi mereka, walaupun dia seorang ibu tunggal.

Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah dan Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara telah menjalankan tugas yang baik dengan memberi ceramah pendidikan seks di sekolah-sekolah, terutamanya di kawasan-kawasan yang merekodkan jumlah kehamilan bawah umur yang tinggi.

Tambahan pula, lebih banyak kajian mengenai perkahwinan kanak-kanak perlu dilakukan. Platform juga diperlukan bagi orang ramai mendebatkan isu ini secara sihat. Dalam dua tahun akan datang, fokus kami adalah untuk memastikan kanak-kanak kita boleh terus bersekolah dan memupuk minat mereka untuk belajar.

**RENUNGAN**

Kita harus memilih wakil rakyat yang mempunyai kemahuan politik untuk melindungi hak kanak-kanak. Pemimpin yang diberi mandat oleh rakyat harus bersedia untuk bekerja keras demi mencapai matlamat ini, dan berani untuk bersuara dalam memperjuangkan hak kanak-kanak.

**TINDAKAN**

Pastikan wakil rakyat, di peringkat parlimen mahupun kampung, melaksanakan tanggungjawab dan menunaikan janji mereka untuk melindungi hak kanak-kanak.

Usaha untuk menentang perkahwinan kanak-kanak mula membuahkan hasil. Baru-baru ini surat khabar The Malay Mail melaporkan bahawa perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan semua kerajaan negeri untuk menaikkan umur minima perkahwinan bagi orang Islam dan bukan Islam ke 18 tahun. Berita ini mendapat maklum balas yang positif daripada orang awam.

Malaysia telah menandatangani Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 1995. Perjanjian antarabangsa tersebut memberi perlindungan terhadap hak asasi kanak-kanak, dan Akta Kanak-Kanak 2001 telah digubal untuk menunaikan kewajipan negara ini terhadap CRC. Di bawah akta ini, seorang kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun.

Di Malaysia, undang-undang sivil menyatakan bahawa orang bukan Islam dibenarkan berkahwin pada usia 18 tahun. Kanak-kanak perempuan bukan Islam boleh berkahwin seawal 16 tahun, dengan kebenaran ketua menteri ataupun menteri besar.

Dalam perkahwinan adat negeri Sabah, tidak ada umur minima untuk berkahwin dan perkahwinan dijalankan mengikut adat dan kepercayaan komuniti orang asal. Peguam Wendy Lee, menjelaskan bahawa tidak ada larangan dalam Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995) untuk perkahwinan diantara dua orang di bawah 16 tahun. Dia menjelaskan tiada umur minima yang ditetapkan dan perkahwinan itu boleh dianggap sah. Walau bagaimanapun, seseorang tidak boleh berkahwin sebelum mencapai akil baligh.

Baginya, sudah tiba masanya undang-undang yang membolehkan kanak-kanak berkahwin dihapuskan. "Saya berpegang teguh bahawa agama dan adat tidak boleh menggantikan hak asasi kanak-kanak. Kepentingan terbaik kanak-kanak harus sentiasa dilindungi dan diutamakan atas segalanya. Saya menyokong penuh pengumuman Tun Mahathir dan tindakan yang diambil. Saya merasakan ini langkah positif untuk Sabah dan Malaysia secara amnya."

Dia berkata, "Sekiranya pengumuman ini diterima oleh semua negeri dan diterjemah ke dalam undang-undang dengan meminda dan memasukkannya ke dalam akta atau ordinan yang relevan, umur minima perkahwinan yang seragam akan wujud untuk semua, tidak kira bangsa atau agama."

### RENUNGAN

Adat atau agama tidak sepatutnya dijadikan alasan sebagai penghalang untuk kanak-kanak menjalankan kehidupan sepenuhnya.

### TINDAKAN

Sokong kempen atau inisiatif yang memperjuangkan hak kanak-kanak dan menentang perkahwinan bawah umur seperti #PelajarBukanPengantin.

Maria sentiasa menerima kritikan daripada pihak berkuasa dan segelintir orang awam, tetapi dia terus berusaha dalam memastikan kanak-kanak tersebut mendapat keadilan. Dia menemani mereka melalui prosedur-prosedur yang mengambil masa panjang. Adakalanya mangsa berasa mahu menyerah kalah kerana tidak dapat menanggung derita menguruskan kes dan belajar pada masa yang sama. Dalam keadaan sebegini, Maria akan memberi ruang kepada mereka dan menolong mereka mengemaskinikan maklumat dari pihak berkuasa agar mereka tidak melupakan kes tersebut.

Halangan paling besar untuk Maria dalam membantu mangsa jenayah seksual adalah urusan birokrasi. Dalam sesetengah kes, pihak berkuasa menggesa mangsa untuk menyelesaikan hal ini "di luar" dengan si pelaku, daripada melalui proses penyiasatan lama yang mungkin tidak membuahkan hasil.

Seorang pegawai polis memberitahu faktor menyebabkan tertundanya proses penyiasatan adalah mendapatkan bukti untuk menyokong kenyataan mangsa - elemen penting dalam penyiasatan jenayah seksual. Mendapatkan kerjasama daripada mangsa dan keluarga juga adalah satu cabaran, kerana mereka takut kes tersebut didedahkan kepada orang awam. Namun, Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-kanak (D11) yang dianggotai polis wanita, telah ditubuhkan pada tahun 2007 untuk meningkatkan kecekapan menyelesaikan kes-kes sedemikian.

Bagi Maria, kuncinya adalah untuk terus memberi galakan kepada mangsa dan menemani mereka ketika bertemu dengan pihak berkuasa. Menurut pengalamannya, kes akhirnya akan disiasat. Ibu bapa mangsa juga selalunya bersabar dan terus mendesak untuk hak anak mereka ditegakkan kerana mereka juga mahu si pelaku untuk mendapat pengajaran.

#### RENUNGAN

Proses membuat laporan polis apabila berlakunya jenayah seksual bukan sahaja memakan masa yang lama, tapi juga mencabar emosi dan mental pihak-pihak yang terlibat dalam membantu mangsa untuk mendapat keadilan. Semua orang mempunyai hak untuk membuat laporan polis, jangan berasa takut jika digertak oleh mana-mana pihak yang tidak mahu kita melaporkan jenayah seksual.

#### TINDAKAN

Jika anda kenal sesiapa yang ingin melaporkan jenayah seksual tetapi berasa takut atau segan, sokonglah dia dengan memberitahu mereka tentang hak mereka untuk membuat laporan polis, temani mereka ke balai polis atau hospital, supaya mereka lebih yakin untuk melaporkan jenayah yang diperlakukan ke atas mereka.

Lala baru sahaja menghabiskan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) apabila mengetahui dirinya sudah 6 bulan mengandung.

Achie, berumur 19 tahun, merupakan kawan baik kepada sepupunya yang lebih tua. Dia sering ke rumah Lala untuk berjumpa dengan rakannya, tapi mula mendekati Lala atas alasan ingin berkawan. Lala rasa senang berkawan dengan Achie kerana perwatakannya yang ramah mesra.

Pada satu malam, Achie menyelip masuk ke dalam bilik tidur Lala tanpa pengetahuan keluarganya. Achie menutup mulut Lala dan mengugutnya untuk tidak membuat bising. Pada malam itu, Lala dirogol. Namun, dia tidak memberitahu kejadian tersebut kepada sesiapa, kerana takut Achie akan mengapa-apakan keluarganya dan juga takut dimarahi oleh ibubapanya.

Suatu hari, Lala mengadu kepada ibunya bahawa perutnya sakit dan seperti ada sesuatu yang bergerak di dalamnya. Ibunya telah membawanya ke klinik, dan sangat terkejut apabila diberitahu bahawa Lala sudah mengandung 6 bulan. Ibu Lala sangat terkejut dengan perkara tersebut kerana Lala tidak akan keluar rumah tanpa bersama dengan ibubapa dan adik-beradiknya.

Setelah mengetahui apa yang berlaku, ibunya membuat laporan polis dan Achie kemudiannya ditangkap. Dia mengaku bersalah dan dia dijatuhkan hukuman kerana merogol budak bawah umur, manakala Lala ditempatkan di sebuah pusat jagaan sehingga melahirkan anaknya.

Setelah keputusan UPSR diumumkan, Lala ditawarkan untuk ke sekolah berasrama penuh kerana mendapat keputusan yang baik. Pada mulanya, Lala disuruh oleh ibunya untuk menolak tawaran tersebut supaya dia boleh menjaga anaknya. Tetapi selepas menerima nasihat daripada pihak pusat jagaan dan juga doktor, ibu Lala akhirnya bersetuju untuk membenarkan Lala menerima tawaran ke sekolah berasrama penuh. Selepas menghabiskan pantang, Lala meneruskan persekolahannya di sekolah asrama penuh dengan sokongan padu daripada keluarganya dan juga pihak pusat jagaan.

#### RENUNGAN

Terdapat banyak kes di mana pelajar perempuan terpaksa berhenti sekolah selepas melahirkan anak, tateapi apa yang berlaku sekiranya mereka diberikan sokongan yang cukup? Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan pelajaran, dan patut diberi peluang untuk memperbaiki kehidupan mereka.

#### TINDAKAN

Galakkan mangsa jenayah seksual untuk mendapatkan bantuan profesional daripada pertubuhan bukan kerajaan seperti Good Shepherd Services (GSS) dan Women's Aid Organisation (WAO). Hurlurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan kita, dan berikan mereka sokongan padu.

"Jangan kau bagitau orang, kalau kau bagitau, saya tidak akan bagi kau belanja untuk sekolah!"

Itulah kata-kata yang sentiasa bermain di fikiran saya.

Saya rapat dengan bapa saya kerana dia sentiasa melayan saya dengan baik dari kecil lagi. Namun sejak saya berumur 15 tahun, keadaan mula berubah, dia akan membawa saya untuk menemaninya menghantar barang setiap hujung minggu dan cuti sekolah. Dia mula memeluk dan menyentuh saya. Pada mulanya saya berfikir ianya hanya perkara biasa, dan dia cuma menunjukkan kasih sayang terhadap saya.

Pada suatu hari, dia memaksa saya untuk melakukan hubungan seks dengannya. Pengalaman itu sungguh menyakitkan dan saya berasa terkejut dan keliru. Mengapakah bapa kandung saya sendiri, yang saya sayang, boleh melakukan sebegitu terhadap saya? Bapa saya mengugut tidak akan membayar perbelanjaan sekolah saya sekiranya saya menolak permintaannya.

Saya akan diberikan wang setiap kali kami selesai melakukan seks. Walaupun saya benci akan perlakuan bapa saya tetapi saya tidak dapat menolak kerana saya memerlukan wang untuk membayar persekolahan dan membeli keperluan peribadi saya. Situasi ini membuatkan saya seperti seorang pelacur. Ibu saya tahu apa yang berlaku tetapi tidak berbuat apa-apa, keadaan ini berterusan sehingga saya berumur 17 tahun.

Kelakuan bapa saya berlarutan dan telah menyebabkan saya berasa tertekan sepanjang masa. Saya mula menyedari yang saya tidak mahu lagi terperangkap dalam keadaan ini dan perasaan untuk bangkit mula membuak di dalam hati saya. Saya mengambil keputusan untuk meminta bantuan kaunselor sekolah dan dia berjumpa dengan ibu saya. Dari situ, ibu saya berjanji tidak akan membiarkan bapa saya membawa saya lagi. Saya diberikan tempat tinggal di asrama dan meneruskan sesi kaunseling. Sehingga hari ini bapa saya masih bekerja sebagai pemandu lori.

## RENUNGAN

Sumbang Maharam bermaksud apabila seorang anak didera seksual oleh bapanya atas pelbagai alasan seperti Pendidikan. Walaupun pendidikan adalah sebuah hak asasi yang memang patut ada untuk seorang kanak-kanak. Kanak-kanak bergantung kepada orang dewasa untuk perlindungan. Jika bukan kita, siapa lagi yang akan melindungi mereka?

## TINDAKAN

Ajar kanak-kanak untuk memahami sentuhan selamat dan tidak selamat dari usia muda. Galakkan kanak-kanak untuk menyuarakan perasaan dan pendapat mereka.

Saya berkahwin pada umur 16 tahun semasa mengandung 6 bulan.

Ketika kami mula bercinta, saya berumur 14 tahun dan dia berumur 16 tahun. Kami kerap melakukan hubungan seks dan pernah berbincang mengenai perkahwinan tetapi itu bukanlah keutamaan kami disebabkan pada waktu itu kami masih muda. Yang utama bagi kami adalah menghabiskan persekolahan dan mencari pekerjaan yang baik. Saya belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai impian saya menjadi seorang jururawat.

Saya mula berasa risau apabila saya lewat datang haid, saya kemudian menggunakan ujian kehamilan dan mendapat tahu saya hamil. Disebabkan tiada pilihan lain, kami terpaksa memberitahu ibubapa kami. Mereka terkejut dan marah. Pada ketika itu saya berasa sungguh sedih kerana telah mengecewakan dan memalukan keluarga. Mereka memutuskan untuk kami berkahwin. Dengan rasa bersalah dan ingin menjaga nama baik keluarga dalam komuniti, kami terpaksa akur dengan keputusan mereka.

Perjalanan saya tidak mudah, anak saya berumur 11 bulan dan saya memikul beban yang berat kerana sebagai seorang remaja, saya perlu menjalankan tanggungjawab saya sebagai seorang ibu dan isteri. Saya tidak bersedia dengan situasi alam berumah tangga dan saya kecewa dengan apa yang terjadi dalam kehidupan saya.

Hubungan saya dengan suami saya adalah baik tetapi dia tidak menyokong saya untuk melanjutkan pengajian. Saya masih menyimpan impian saya untuk menjadi seorang jururawat tetapi saya terpaksa mencari kerja kerana keadaan kewangan kami tidak stabil. Saya tidak pasti bagaimana saya akan berupaya untuk kerja sambil membesarkan anak saya dan pada masa yang sama menjalankan tanggungjawab saya sebagai seorang isteri. Sehingga hari ini, saya berasa sangat kecewa kerana tidak dapat mencapai impian saya untuk menjadi seorang jururawat.

### RENUNGAN

Tanggungjawab yang dipikul seorang kanak-kanak yang berkahwin pada umur muda bukan hanya sebagai seorang isteri, tetapi juga sebagai seorang ibu muda yang perlu mencari nafkah untuk menampung kehidupan anaknya. Adakah seorang kanak-kanak betul-betul bersedia untuk memikul tanggungjawab seperti itu?

### TINDAKAN

Gesa wakil rakyat dan ahli parlimen anda untuk menentang perkahwinan kanak-kanak. Seorang kanak-kanak tidak seharusnya dikahwinkan untuk menutup aib sebuah keluarga. Sila tonton video di Facebook SAWO: Kisah benar dari seorang pengantin kanak-kanak dari Tenom, Sabah.

Tias adalah mangsa pemerdagangan manusia.

Dia berasal dari kampung yang terletak dua jam perjalanan kereta dari bandaraya Ho Chi Minh. Tias adalah seorang anak tunggal. Ibunya telah berkahwin semula dan dia mempunyai tiga adik tiri. Pada umur 15 tahun, dia terpaksa berhenti sekolah kerana kemiskinan.

Tias mula bekerja sebagai seorang pencuci rambut dan pendandan kuku di sebuah salon di Ho Chi Minh. Bapa tirinya menyuruh Tias untuk bekerja di Malaysia sebagai seorang pembantu rumah melalui rakannya, seorang ejen pekerjaan. Umur yang tertera dalam dokumen pengenalan diri Tias dipalsukan oleh ejen tersebut untuk mendapatkan paspot. Tiket penerbangan ke Malaysia turut disediakan oleh ejen. Tias berasa gembira dan tidak sabar melihat impiannya untuk menaiki kapal terbang tercapai.

Sejurus selepas Tias tiba di lapangan terbang Kuala Lumpur, dia mula berasa takut dan keseorangan. Perasaan takutnya meningkat apabila dimaklumkan oleh ejen bahawa dia berhutang sebanyak RM4,000. Tias merasa terperangkap. Harapannya untuk membina masa depan yang baharu mula beransur hilang.

Tias menangis apabila diberitahu dia akan dihantar ke sebuah rumah urut untuk bekerja. Walaupun Tias cuba menolak tawaran tersebut, dia dipaksa ejen untuk bekerja di rumah urut. Selepas dua bulan, Tias dipaksa untuk memberikan khidmat seks untuk mempercepatkan bayaran hutangnya. Dia sentiasa jatuh sakit dan memerlukan rawatan.

Tias kemudian dimaklumkan oleh ejen bahawa hutangnya telah melonjak naik ke RM7,000. Ini menyebabkan Tias untuk berasa murung dan seolah-olah tidak mempunyai harga diri. Selepas beberapa bulan, dia dipindahkan ke sebuah pusat hiburan di mana dia bekerja sebagai pelayan dan pekerja seks. Selepas enam bulan di Malaysia, Tias diselamatkan oleh polis dan dihantar ke rumah perlindungan kanak-kanak.

### RENUNGAN

Mangsa yang diperdagangkan bukan sahaja diperdagangkan untuk seks tetapi juga sebagai tenaga kerja murah. Adakah kita boleh mengenal pasti siapa mangsa pemerdagangan manusia di sekitar kita? Apa yang kita buat untuk menghalang jenayah ini daripada berterusan?

### TINDAKAN

Pemerdagangan manusia juga berlaku di Malaysia, di mana rakyat Malaysia sendiri dipermangsakan. Salah satu cara untuk menangani masalah ini adalah melalui mendidik kanak-kanak dan remaja agar tidak tertipu dengan kata-kata manis yang menjanjikan peluang pendidikan atau pekerjaan tanpa melakukan penyelidikan yang cukup.

Kejadian itu berlaku semasa saya berada di Tingkatan 6. Pada suatu hari, saya telah didekati oleh guru saya di kantin. Dia bertanya samada dia boleh menemani saya. Saya bersetuju kerana tidak berprasangka terhadapnya. Lagipun kami berada di tempat awam.

Dia mula menceritakan masalah keluarganya. Saya mencadangkan supaya dia mendapatkan bantuan kaunseling. Dia kata, dia tidak memerlukan kaunseling, kerana apa yang dia perlukan adalah "bantuan" dari saya. Dia mendakwa dirinya telah "disumpah" oleh isterinya, menjadikannya lemah syahwat. Dia meminta saya untuk memegang alat kelaminnya sebagai teknik untuk menyembuhkan "penyakitnya".

Saya berasa sungguh terkejut dengan permintaannya yang menjijikkan, dan berfikir bagaimana untuk melarikan diri. Guru saya menawarkan membayar saya ratusan ringgit setiap bulan, untuk menanggung yuran pendidikan saya di universiti nanti jika saya bersetuju untuk menjalinkan hubungan seks dengannya. Dia memberi jaminan tidak akan membuat saya mengandung.

Apabila dia mengeluarkan telefon bimbitnya untuk menunjukkan video pornografi, saya terus meminta diri untuk ke tandas. Dia lantas mengekori saya. Saya berasa sangat cemas kerana saya tidak tahu apa yang dia hendak lakukan terhadap saya. Seorang guru lain datang untuk menyapanya, dan saya mengambil kesempatan untuk melepaskan diri daripada terus diekori. Saya berlari se pantas mungkin dan seterusnya mengambil bas untuk balik ke rumah.

Kejadian tersebut terlalu menakutkan saya sehinggakan saya mendiamkan diri untuk dua minggu. Saya juga sering mengelak untuk ke sekolah kerana risau akan terjumpa guru itu, sehingga terlepas menduduki peperiksaan. Saya telah membuat laporan polis ke atas guru tersebut tetapi sehingga hari ini, dia masih mengajar di sekolah itu.

### RENUNGAN

Ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan harapan mereka berada di tempat yang selamat. Walau bagaimanapun sesetengah sekolah lebih cenderung melindungi kakitangannya daripada pelajar. Kerajaan perlu memastikan bahawa sekolah-sekolah adalah ruang yang selamat untuk kanak-kanak mendapatkan pendidikan dan juga menyediakan sistem untuk mangsa-mangsa membuat laporan dengan selamat tanpa rasa takut.

### TINDAKAN

Walaupun ramai yang menganggap gangguan seksual sebagai jenayah yang tidak berapa serius, impak trauma yang dihadapi oleh mangsa gangguan seksual, adalah sama seperti jenayah seksual yang lain.

Jo adalah seorang pemimpin belia di sebuah rumah ibadat dan dikenali ramai di kampungnya. Apabila dia tidak bertugas di tempat ibadat, dia mencari rezeki dengan menghantar kanak-kanak di kampungnya ke sekolah dan menghantar mereka pulang setelah selesai sesi pembelajaran. Kerana Jo dianggap seorang yang dipercayai di kalangan komunitinya, tiada siapa menyangka lelaki dalam umur 30an ini adalah seorang pedofil.

Adam, 15, adalah salah satu mangsa Jo. Dia telah menderita dalam senyap selama 2 tahun didera seksual oleh Jo. Adam sentiasa takut dan memberikan pelbagai alasan untuk ponteng sekolah. Berkali-kali dia hampir memberitahu ibu bapanya mengenai pengalaman pahit ini, tetapi kerap kali dia terbisu kerana berasa malu.

Seorang guru menyedari perubahan kelakuan Adam dan ketakutannya untuk berjalan balik dari sekolah. Guru itu bertanya kepada Adam. Kerana tidak mampu lagi terseksa dalam diam, Adam menceritakan semua yang berlaku kepada gurunya. Guru itu segera memberitahu ibubapa Adam. Apabila ibubapa Adam mengetahui apa yang terjadi, mereka segera membuat laporan polis.

Polis memulakan penyiasatan, dan keluarga tersebut terpaksa mengungkit pengalaman ngeri Adam berulang kali setiap kenyataan mereka diambil untuk merekod kes. Akan tetapi, komuniti cuba menghalang Adam dan keluarganya daripada meneruskan kes tersebut. Kebanyakan kanak-kanak yang menjadi mangsa Jo mempunyai pertalian saudara dengannya. Ibu bapa mereka meminta Adam untuk mengampunkan sahaja Jo kerana dia sudah 'bertaubat'. Ibu bapa Adam enggan menyerah kalah dan dijauhi komuniti mereka kerana mahu mendapatkan keadilan untuk anak mereka.

Tekanan untuk menggugurkan kes terlalu tinggi sehingga mereka terpaksa menunaikan ibadat di kawasan lain. Jo masih lagi bebas walaupun komunitinya mengetahui kekejaman yang dilakukannya. Sebahagian komuniti tetap menyokong Adam dan keluarganya. Mereka juga mengaku yang anak-anak mereka juga mangsa kepada Jo. Akan tetapi, cuma Adam dan keluarganya yang berani melaporkan hal ini kepada polis setakat ini.

### RENUNGAN

Institusi keagamaan juga terlibat dalam melindungi pemangsa, walaupun yang sepatutnya dilindungi adalah kanak-kanak. Kanak-kanak tidak sewajarnya dibiarkan hidup dalam keadaan malu dan ketakutan. Adakah mereka takut untuk melaporkan jenayah seksual disebabkan kurang mendapat sokongan dari institusi keagamaan?

### TINDAKAN

Institusi keagamaan harus menjadikan keselamatan kanak-kanak satu keutamaan. Mereka harus melindungi kanak-kanak, dan berani untuk menyiasat ahli-ahli yang dituduh melakukan deraan seksual supaya kebenaran boleh didedahkan.

Johan, 17, dan adik perempuannya Lena, 16, telah diamanahkan untuk menjaga adik-adik mereka di sebuah rumah yang terletak jauh daripada kampung halaman. Adik-beradik tersebut tidak tinggal bersama ibubapa mereka yang sibuk mengusahakan perniagaan di kampung lain, kerana mahu berada di kawasan yang dekat dengan sekolah.

Walaupun jarang melawat anak-anak mereka, ibubapa Johan sentiasa memastikan keperluan asas mereka dipenuhi. Malahan, si ayah telah menyediakan sebuah kereta untuk membolehkan Johan menghantar adik-adiknya pergi dan balik sekolah. Johan dan Lena turut diberi sebuah telefon bimbit untuk tujuan berkomunikasi dengan ibubapa mereka, dan sebuah komputer riba untuk membantu mereka dalam membuat kerja sekolah.

Disebabkan tiada orang dewasa yang memantau, Johan, Lena, dan adik mereka Tino, 15, terjerumus dalam kegiatan menonton pornografi dan memuat turun gambar lucah dalam telefon bimbit dan komputer riba. Menurut Lena, perbuatan ini telah bermula sejak mereka berada di sekolah rendah lagi, namun tidak diketahui oleh ibu bapa mereka.

Dipengaruhi oleh pornografi, Johan telah merogol Lena beberapa kali, terutamanya pada waktu malam apabila adik-adik mereka yang lain tidak berada di rumah. Tino juga melakukan hal yang sama ke atas Lena. Kedua-dua abang dan adik ini langsung tidak tahu bahawa mereka telah melakukan serangan seksual ke atas Lena pada masa yang sama.

Perkara tragis ini hanya diketahui oleh ibu mereka apabila Lena mengadu sakit perut. Setelah ibu Lena membawanya ke klinik, doktor yang melakukan pemeriksaan mengatakan bahawa Lena sudah mengandung 6 bulan. Ibunya sangat terkejut mengetahui perkara ini dan apabila ditanya, Lena mengakui bahawa dia dirogol oleh kedua-dua Johan dan Tino. Ibubapa Lena tidak membuat laporan polis kerana Johan dan Tino akan menduduki peperiksaan SPM dan PT3 pada tahun tersebut. Lena pula telah di hantar ke rumah saudara yang jauh daripada keluarganya.

### RENUNGAN

Tanpa bimbingan yang cukup, kanak-kanak tidak dapat membezakan antara fantasi (pornografi) dan hubungan seksual yang sihat. Kanak-kanak yang menonton pornografi lebih cenderung untuk meniru keganasan seksual yang telah disaksikan oleh mereka. Ketiadaan pendidikan seks di sekolah menggalakkan kanak-kanak untuk “belajar” mengenai seks melalui media songsang seperti pornografi.

### TINDAKAN

Ibu bapa atau penjaga harus mengawasi dan memberi bimbingan kepada kanak-kanak tentang penggunaan internet yang sihat untuk memastikan mereka tidak rosak ahklak.

Semasa membesar, saya mempunyai lebih ramai sepupu perempuan daripada lelaki. Kebiasaannya kami akan berkumpul bersama semasa majlis hari lahir atau aktiviti riadah keluarga di rumah Pakcik Haris.

Pakcik Haris sering meminta anak-anak buah perempuan, termasuk saya, untuk duduk di atas ribanya, atas alasan untuk 'membelai' kami. Sebagai seorang kanak-kanak, saya cuma menganggap 'belaian' itu sebagai satu cara Pakcik Haris menunjukkan kasih sayangnya terhadap anak buahnya. Saya tidak pernah melihat hal itu satu kesalahan sehinggalah saya memasuki darjah enam dan mula berfikir matang.

Suatu hari, Pakcik Haris meminta salah seorang sepupu perempuan saya yang berumur 14 tahun untuk duduk di ribanya. Kemudiannya, dia mula membelai sepupu saya di hadapan kami. Dia berkata kepada sepupu saya, "Wuah, buah dada adik sudah besar. Adik sekarang bukan kanak-kanak lagi, tetapi sudah menjadi wanita!" Pada ketika itu, kami tidak tahu ianya satu kesalahan untuk membuat komen sedemikian terhadap tubuh seseorang. Walau bagaimanapun, saya berasa sangat tidak selesa mendengar kata-kata jijik yang keluar dari mulut Pakcik saya.

Hal yang turut mengganggu fikiran saya ialah, Pakcik Haris juga memberi komen atau kata-kata yang kurang senonoh terhadap anak-anak perempuannya. Walaupun keluarga tahu perangai atau sikap pakcik terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan, mereka tidak pernah menegurnya.

Setelah dewasa, kami cuba kurangkan komunikasi dengan Pakcik Haris. Perangainya masih sama walaupun sudah tua, dan anak-anaknya sendiri sudah dewasa. Apabila Pakcik Haris mula menarik sepupu yang lebih muda ke arahnya, mereka yang lebih tua akan membantu menghalang tangannya. Kami akan membawa sepupu yang lebih muda bermain di luar, sebagai satu cara untuk melindungi daripada didekati oleh Pakcik.

### RENUNGAN

Hal ini adalah perkara yang biasa dalam kalangan keluarga untuk memeluk atau mencium anak saudara mereka. Kita tidak sedar bahawa perkara seperti ini boleh menjadi sebahagian daripada proses penyediaan seksual. Sekiranya seseorang berasa tidak selesa dengan sentuhan tersebut, mereka perlu menghalang atau mengatakan "tidak" kepada orang itu. Perbuatan sedemikian, sukar untuk membezakan antara sentuhan selamat dan tidak selamat terutamanya berlaku dalam kalangan ahli keluarga yang mungkin juga seorang pesalah seks.

### TINDAKAN

Jangan paksa peluk kanak-kanak, mencium atau menunjukkan kasih sayang melalui sentuhan fizikal, terutama apabila mereka tidak mahu, walaupun sesama ahli keluarga.

“Saya tidak sabar melakukan seks dengan kamu.”

Saya menggeletar memikirkan apa yang akan terjadi kepada anak saya sekiranya tidak menemui mesej ini. Sejak tahun lepas, Sheela menghabiskan masa berjam-jam di dalam biliknya dan berjaga hingga lewat malam. Pada mulanya kami memikirkan bahawa dia sibuk belajar.

Pada satu hari Sheela bertanya jikalau dia boleh menghabiskan hujung minggu di rumah kawannya. Saya dan suami bersetuju kerana makcik kawannya akan memerhatikan mereka. Keesokan harinya sebuah bungkusan untuk Sheela tiba.

Ketika saya membawa bungkusan itu ke biliknya, telefon bimbitnya menerima beberapa mesej WhatsApp. Tangan saya terketar-ketar apabila terbaca mesej dari seseorang bernama AB yang bertulis, “Kejutan! Nikmatilah hadiah ini. Saya tidak sabar melakukan seks dengan kamu.” Saya menghubungi suami saya dan dia bergegas balik ke rumah, memikirkan saya mengalami serangan jantung.

Selepas makan malam, kami pergi ke bilik Sheela untuk menasihatinya agar memutuskan hubungan dengan AB. Kami sangat terkejut apabila melihat Sheela sedang berbaring di atas katil dengan dadanya terdedah sambil membuat panggilan video dengan lelaki tersebut. Dia menutup talian sejeurus melihat wajah suami saya yang marah.

Dalam keadaan marah, Sheela bertanya, “Kenapa kamu melakukan ini kepada saya? Saya mencintainya, dan dia mencintainya.” Kami sentiasa memerhatikan Sheela selepas itu kerana dia mengugut untuk mencederakan dirinya. AB kononnya seorang pegawai bank. Dia selalu memuji Sheela dan menggalakkannya untuk meluahkan rasa cintanya melalui aksi-aksi seks dalam video. Dia juga menghantar laman-laman web lucah untuk ditonton. Mereka sepatutnya bertemu di sebuah hotel untuk melakukan hubungan seks.

Kami membuat laporan polis tetapi siasatan tidak membuahkan hasil. Sehingga kini, kami masih menjalani terapi kaunseling untuk pulih bersama sebagai sebuah keluarga.

### RENUNGAN

Pemangsa bergiat aktif apabila identiti mereka tidak diketahui. Keadaan ini juga menjadi masalah untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemangsa tersebut kerana identiti pemangsa tidak diketahui. Apakah langkah-langkah yang kita boleh ambil untuk menjaga keselamatan kanak-kanak dari pengaruh negatif internet atau media sosial?

### TINDAKAN

Sentiasa praktikkan langkah-langkah keselamatan ketika menggunakan internet seperti; jangan menghantar gambar-gambar peribadi anda kepada orang yang tidak dikenali, dan elakkan berjumpa rakan internet buat pertama kali di ruangan tertutup. Tonton ‘Predator In My Phone’ oleh R.Age: di [https://www.youtube.com/watch?v=cx\\_fGdo4Wvs](https://www.youtube.com/watch?v=cx_fGdo4Wvs)

Saya berumur 11 tahun apabila mula menyertai Facebook dan suka memuat naik gambar 'selfie'. Apabila rakan sekolah saya memberi komen yang berkata, "Euw, perasannya" buat pertama kali, saya tidak mengambil kisah akan perkara itu.

Malangnya, serangan siber ini bertambah teruk semasa saya berumur 12 tahun. Saya menerima komen-komen yang menyakitkan seperti 'muka jerawat' dan 'muka bulan', manakala ada yang berkata, "Gelapnya kau, bagus kau gosok muka kau atas jalan raya". Apabila saya membaca komen-komen ini, keyakinan diri saya jatuh serta-merta. Saya hanya mampu menangis dalam diam dan bersendirian menanggung penderitaan itu.

Apabila saya berumur 13 tahun, kesihatan mental saya semakin terkesan akibat dibuli. Saya cuba untuk berkawan dengan pembuli saya, tetapi mereka terus mempersendakan saya. Serangan siber itu berterusan sampai saya menerima notifikasi daripada Facebook untuk memadam gambar yang dilaporkan oleh pembuli saya.

Keadaan kemurungan saya semakin teruk, sehingga saya ada niat untuk membunuh diri. Nasib baik kakak saya perasan dengan perubahan sikap saya. Akhirnya saya meluahkan apa yang saya alami, walaupun pada mulanya saya tidak mahu. Kakak menasihati saya untuk menyertai seminar yang dianjurkan oleh rumah ibadah kami selama tiga hari. Dalam seminar itu, saya telah bertemu dengan ramai orang yang membantu saya untuk mengatasi kemurungan saya.

Walaupun saya masih mendapat komen-komen yang negatif dari pelajar-pelajar di sekolah saya, ianya tidak teruk seperti dulu. Sekarang, saya lebih prihatin dalam menjaga keselamatan diri semasa menggunakan internet dan media sosial. Saya mengelak untuk berada dalam situasi yang mana saya boleh diserang dalam dunia siber dengan menghadkan komen-komen saya dalam Instagram, menutup akaun WeChat dan tidak memuat naik dalam Facebook.

### RENUNGAN

Serangan buli siber boleh memberi kesan negatif dalaman kepada harga diri mangsa, dan boleh membawa kepada tragedi seperti kemurungan dan lebih teruk lagi, bunuh diri. Apabila kita memberi komen di laman sosial seseorang, kita harus berfikir "Adakah saya akan berani mengatakan sedemikian di hadapannya?" Sekiranya tidak, adalah lebih baik untuk tidak memberikan komen sedemikian. Tiada orang yang patut dibuli.

### TINDAKAN

Sekiranya anda dibuli dan memerlukan sokongan, anda boleh menghubungi Befrienders di talian +6088255788 atau +6016-8036945 di Kota Kinabalu dan +60379568145 di Kuala Lumpur. Ajar kanak-kanak untuk menghormati sesama sendiri, dan menghindari daripada membuli.

Saya didera seksual oleh pakcik saya semasa berumur lima tahun. Walaupun kejadian ini sudah lama berlalu, saya masih berasa kecewa kerana tidak dipercayai oleh ibu bapa saya. Hubungan saya dan keluarga menjadi renggang kerana ibu bapa saya memilih untuk mempercayai pakcik saya itu dan bukan anak mereka sendiri.

Pakcik saya pada waktu itu masih seorang pelajar sekolah menengah. Dia telah datang ke rumah keluarga saya bersama nenek. Biasanya, apabila mereka bermalam di rumah kami, saya akan tidur di katil bersamanya manakala nenek dan abang turut tidur dalam bilik yang sama.

Pada suatu malam, pakcik saya memasukkan jarinya ke dalam alat sulit saya dan menjilatnya. Pada mulanya, saya menyukai perbuatannya, kerana saya tidak memahami apa yang dilakukan oleh pakcik ke atas tubuh saya. Sebagai seorang kanak-kanak, saya tidak terfikir samada apa yang dilakukan terhadap saya adalah suatu penderaan seksual. Cuma apabila terkenang kembali sebagai seorang dewasa, saya mula memahami bahawa pakcik saya telah mendera saya.

Kejadian itu berlarutan sehingga saya mengalami kesakitan di bahagian alat sulit saya. Saya mengadu kepada makcik saya tentang kesakitan itu. Dia berasa sangat terkejut dan melaporkan perkara tersebut kepada ibubapa saya. Pakcik saya dihantar balik ke kampung halaman sejeurus selepas itu.

Namun, ibu bapa saya masih berasa sangsi dengan cerita saya. Mereka kerap bertanya samada saya bercakap bohong kerana pakcik saya menafikan bahawa dia menganiayai saya. Saya terpaksa membela diri pada usia yang sangat muda, dan menegaskan bahawa saya bercakap benar.

Setelah dewasa, saya membuat keputusan untuk memutuskan hubungan dengan keluarga saya. Walaupun sering merindui ibubapa saya, saya akan terfikir, "Mereka tidak pernah melindungi saya". Itulah sebabnya saya membuat keputusan untuk memutuskan komunikasi dengan mereka dan memulakan kehidupan baru di negara lain.

### RENUNGAN

Impak penderaan seksual terhadap psikologi kanak-kanak akan terbawa-bawa olehnya sehingga memasuki alam dewasa. Seseengah mangsa penderaan seksual akan menghadapi kesukaran untuk mempercayai orang lain, dan ini akan memberi kesan negatif terhadap perhubungan mereka dengan keluarga, kawan-kawan atau juga kekasih.

### TINDAKAN

Cuba memahami mengapa mangsa penderaan seksual kadang-kadang berkelakuan "dingin" terhadap orang lain. Galakkan mereka untuk mendapatkan bantuan kaunseling bagi membantu menangani trauma yang mereka alami semasa kanak-kanak.

Bagi Mora yang memilih untuk tinggal jauh dari keluarganya untuk menghadiri sekolah. Asrama komuniti merupakan rumah keduanya.

Asrama yang sepatutnya selamat. kini tidak lagi untuk Mora selepas seorang lelaki bernama Jim datang menginap sana pada hujung minggu. Jim, yang berumur lewat 20an, mempunyai dua adik perempuan yang tinggal di asrama tersebut dan selalu datang melawat mereka.

Semasa pertembungan pertama mereka, Mora baru sahaja turun dari motosikal pakciknya apabila Jim menyentuh pahanya. Pada mulanya, Mora tidak mempedulikan perkara itu kerana menyangka bahawa Jim tersentuhnya dengan tidak sengaja. Lagipun perkara itu berlaku di hadapan pakciknya dan adik-adik Jim.

Kali kedua mereka bertembung, Mora sedang mengulangkaji dalam bilik ketika Jim masuk dan mula mengurut tangannya. Dia berasa tidak selesa dan memintanya untuk berhenti tetapi permintaannya tidak dipedulikan oleh Jim. Akhirnya, Mora membuka video dalam telefon bimbitnya yang menunjukkan anak-anak buahnya. Lelaki itu terus meninggalkan bilik tersebut.

Dalam insiden yang ketiga, Mora sedang memasak seorang diri apabila Jim memasuki dapur dan memeluk pinggangnya serta mendekati pahanya ke punggung Mora. Apabila dia menjerit, Jim berasa cemas dan melarikan diri ke bilik lelaki. Kesemua insiden ini membuat Mora berasa sungguh tidak selesa dan tidak selamat setiap kali Jim berada di asrama.

Mora tidak mampu berdiam diri lagi, apabila Jim dengan beraninya meramas leher dan buah dadanya di asrama dalam kehadiran orang lain. Mora berasa marah dan takut lalu menjerit menyuruhnya keluar. Jim meramasnya sekali lagi sebelum pergi. Rakannya yang berpura-pura tidur menjadi saksi kejadian ini. Mora membuat laporan polis apabila adiknya juga didapati telah dicabul oleh Jim. Kesemua mereka kini menunggu untuk mendapat keadilan.

#### RENUNGAN

Kanak-kanak yang tinggal jauh daripada keluarga mereka untuk mendapatkan pendidikan seringkali terdedah kepada risiko penderaan seksual. Di mana ada kanak-kanak, di situ juga ada pemangsa yang menunggu peluang baik untuk menyerang sasaran mereka. Oleh itu, kerajaan harus menyediakan lebih banyak asrama khusus untuk pelajar perempuan supaya mereka berasa selamat.

#### TINDAKAN

Apabila seorang kanak-kanak mengadu didera seksual, jangan meremehkan aduannya. Sebaliknya, pastikan mereka selamat dan berasa dipercayai dan dilindungi.

Sudah sekian lama saya memendam memori didera oleh seorang sepupu yang lebih tua daripada saya. Saya tidak dapat ingat berapa umur saya pada ketika ia bermula, tetapi saya ingat perasaan malu yang mendalam dengan apa yang dilakukan ke atas tubuh saya.

Pada masa kejadian, saya masih seorang murid sekolah rendah, manakala dia pelajar sekolah menengah. Keluarganya akan datang ke rumah saya setiap minggu, dan dia diberikan tanggungjawab menjaga saya. Ini adalah perkara rutin, oleh itu saya tidak berfikir sangat ketika dia membawa saya ke ruang paling gelap di rumah saya, tersembunyi daripada pandangan orang lain termasuk ibu bapa saya.

Saya mula berasa takut apabila dia mencium bahagian sulit saya dan menyuruh saya membuat perkara yang sama terhadapnya. Dia membuka pakaian saya dan menyuruh saya bercium dengannya seolah-olah kami sepasang kekasih dewasa. Selepas insiden tersebut, dia melakukan penderaan seksual terhadap saya beberapa kali lagi, dan ia menjadi lebih teruk.

Pada masa itu, saya tidak memahami apa yang dilakukannya terhadap tubuh saya adalah salah dan merupakan jenayah di sisi undang-undang. Hanya selepas berada di sekolah menengah, barulah saya faham sepenuhnya tentang jenayah yang diperlakukan ke atas tubuh saya oleh sepupu saya.

Saya mengambil masa 10 tahun untuk mencari keberanian untuk berbicara mengenainya. Ketika saya memberitahu ibu bapa saya tentang perkara ini, mereka berasa tidak berdaya. Adakala isu ini dibangkitkan, saya menyalahkan diri sendiri kerana membiarkan sepupu saya mempergunakan tubuh saya sebagai permainan.

Setelah 20 tahun berdiam dan menafikan perkara yang telah berlaku ini, dan juga melalui bantuan kaunseling, saya boleh berbicara mengenai penderaan ini secara terbuka tanpa rasa malu. Saya tahu, perkara yang berlaku ini bukan salah saya. Saya berjaya menemukannya, dan ingin membantu mereka yang melalui perkara yang sama untuk membebaskan diri daripada dihantui masa silam.

### RENUNGAN

Proses pemulihan bermula apabila anda mengambil langkah pertama untuk menerima dan mengakui kejadian yang telah berlaku pada diri anda. Tabahkan diri, dan bukakan hati anda kepada mereka yang prihatin, dan ingin membantu anda mengatasi trauma zaman lampau. Jangan putus asa, anda tidak keseorangan.

### TINDAKAN

Sila tonton video mengenai Elizabeth Smart, seorang warganegara Amerika yang berjaya mengatasi trauma diculik dan dirogol semasa kanak-kanak.  
<https://www.youtube.com/watch?v=vYVAQk8WG-Q>



## SIAPA YANG BOLEH DIHUBUNGI

Jika anda mengetahui sebarang kes keganasan terhadap kanak-kanak, anda boleh melaporkan insiden tersebut ke:

- Balai polis berdekatan (atau telefon **999**)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
  - ▶ **+603 - 8000 8000**
  - ▶ **+6088 - 2551333/4 (Sabah)**
- Talian Kasih **15999**  
(untuk penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi)

Anda juga boleh mendapatkan bantuan dan nasihat dari:

- NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) yang bekerja dengan kanak-kanak dan wanita
  - Good Shepherd Services
    - ▶ **+6019 - 534 9044 (Sabah)**
    - ▶ **+6012 - 318 0623 (Kuala Lumpur / Selangor)**
  - SAWO - Sabah
    - ▶ **+6088 - 280200 (Helpline)**
  - Childline - Kuala Lumpur / Selangor
    - ▶ **+603 - 5569 2755**
- Badan Peguam Malaysia
  - ▶ **+603 - 2050 2050 ext 2090**
- Pertubuhan Undang-Undang Sabah
  - ▶ **+6088 - 232662**

# GLOBAL *Shepherds*

— Good Shepherd goes GLOBAL



Activity supported by the  
Canada Fund for Local Initiatives  
Activité réalisée avec l'appui du  
Fonds canadien d'initiatives locales



Community Partner

YAYASAN  
HASANAH



Sebuah yayasan milik Khazanah Nasional